

20/12/1999

Dua peserta Malaysia juarai tilawah antarabangsa

KUALA LUMPUR, Ahad - Qari dan qariah Malaysia menjuarai bahagian masing-masing pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-41, yang berakhir malam ini.

Che Yahaya Daud memenangi kategori lelaki dengan markah 90.33 peratus, manakala bahagian wanita dimenangi Maznah Awang dengan mencatatkan markah 92.83 peratus.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi Abdul Latip Daud dari Filipina, manakala Mohammad Mozammel Hossain dari Bangladesh menduduki tempat ketiga.

Qariah dari Indonesia, Lis Sholihat memenangi tempat kedua, manakala peserta Brunei Darussalam, Dayang Rokiah Ibrahim @ Brahim mendapat tempat ketiga.

Abdul Latip berjaya memperolehi sebanyak 87.33 peratus, Mohammad (87.00), manakala Lis mendapat 90.75 markah diikuti Dayang Rokiah dengan (86.50).

Johan qari dan qariah masing-masing menerima wang tunai RM10,000, piala pusingan dan piala iringan. Pemenang kedua menerima RM7,000 dan pemenang ketiga menerima RM5,000.

Hadiah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Turut hadir pada majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis tilawah yang berlangsung sejak 14 Disember lalu diadakan di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, bertemakan 'Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan'.

(END)